



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BS)8591/Jld.VII / (75)

Tarikh : 15 Februari 1993

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1993 :**  
**LAPOR KEPADA POLIS SALAHLAKU YANG BERBENTUK JENAYAH**

Dengan segala hormatnya sukacita saya menarik perhatian tuan berhubung dengan kegagalan pihak sekolah melaporkan insiden berbentuk jenayah yang berlaku di sekolah oleh pelajar kepada pihak polis.

2. Mengikut kanun Prosedur Jenayah (Criminal Prosedure Code) adalah menjadi satu kewajipan melainkan jika ada sebab-sebab yang berpatutan bagi orang ramai termasuk pihak sekolah memberi maklumat, berkenaan dengan berlakunya atau niat mana-mana orang yang hendak melakukan kesalahan-kesalahan seperti merusuh, mendatangkan kematian tanpa niat, membunuh dan cuba membunuh, merompak, membakar bangunan, memeras ugut, menganggotai kumpulan haram dan mengedar atau menyalahgunakan dadah atau kedua-duanya.


3. Perbuatan-perbuatan sedemikian rupa jika berlaku di sekolah perlulah dilaporkan kepada polis dengan segera. Pihak sekolah tidak sewajarnya merahsiakan kejadian itu. Alasan-alasan atau hujah-hujah yang dikemukakan bahawa ibu bapa atau penjaga kepada mangsa enggan membuat pengaduan kepada polis kerana kluatir perkara tersebut akan berpanjangan adalah tidak dapat diterima.

4. Adalah menjadi satu 'moral responsibility' bagi pihak sekolah memaklumkan kepada polis seperti yang dikehendaki oleh undang-undang kejadian-kejadian jenayah yang berlaku. Sesuatu pengaduan yang dibuat kepada polis tidak semestinya diketengahkan dan berakhir di mahkamah. Sekiranya pihak polis dimaklumkan lebih awal sekurang-kurangnya fakta-fakta yang nyata untuk keadilan boleh dipastikan. Ini amat penting sekiranya keadaan memerlukan polis membawa perkara ini ke muka pengadilan.

5. Oleh itu diharap kandungan Surat Pekeliling ini dapat dipanjangkan kepada pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah/Bahagian serta semua Pengetua dan Guru Besar.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

  
(MATNOR DAIM)  
Pengarah  
Bahagian Sekolah  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Datuk Dr. Sulaiman Daud  
Menteri Pendidikan Malaysia
  2. Y.B. Dr. Leo Michael Toyad  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  3. Y.B. Dr. Fong Chan Onn  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Timbalan Ketua Setiausaha I  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  8. Timbalan Ketua Setiausaha II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  9. Ketua-Ketua Bahagian  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  10. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia